



UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Infuq
UNISZA

SPECIAL
EDITION

GARIS PANDUAN AGIHAN WAKALAH ZAKAT

Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA)



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”
(at-Taubah: 60)

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berperanan sebagai pemudah cara dalam menyalurkan dana zakat kepada pelajar daripada golongan asnaf yang benar-benar memerlukan. Penyaluran zakat ini bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan asas, malah memberikan peluang kepada mereka untuk meneruskan pengajian dengan lebih tenang, merealisasikan cita-cita serta mengembangkan potensi diri sebagai modal insan yang bakal menyumbang kepada pembangunan agama, masyarakat dan negara.

Bagi menjamin integriti, ketelusan dan kepatuhan Syariah dalam pengurusan agihan zakat, Garis Panduan Agihan Wakalah Zakat telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 32/2026. Garis panduan ini menjadi rujukan dalam membuat pertimbangan dan keputusan berkaitan permohonan serta kelulusan agihan bantuan wakalah zakat.

Garis panduan ini menjadi rujukan kepada Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf, Zakat, Endowmen dan Derma UniSZA (JAWAZ), Pejabat Wakaf dan Endowmen (WAKAF), Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) di UniSZA yang terlibat dalam pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan berkaitan dana wakalah zakat. Melalui pelaksanaan garis panduan ini, diharapkan agihan wakalah zakat dapat dilaksanakan secara teratur, adil, cekap dan konsisten, selaras dengan prinsip dan tuntutan Syariah.

Edisi khas WAKAF kali ini membawakan Garis Panduan Agihan Wakalah Zakat yang telah diluluskan, dengan olahan yang lebih ringkas dan mesra pembaca. Garis panduan penuh boleh dirujuk melalui laman sesawang WAKAF di wakaf.unisza.edu.my.

Pejabat Wakaf dan Endowmen (WAKAF)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



1. Asnaf: Golongan yang berhak menerima zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh Syariah berdasarkan lapan kategori asnaf yang dinyatakan dalam al-Quran.
2. Wakalah zakat: Dana zakat yang dipulangkan atau diwakilkan oleh Majlis Agama Islam Negeri kepada UniSZA atau penyumbang berdasarkan prinsip wakalah bagi tujuan agihan kepada asnaf.
3. Zakat: Harta tertentu yang wajib dikeluarkan oleh seseorang Muslim atau entiti yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syariah untuk diagihkan kepada golongan asnaf yang berhak.




PANDUAN PERMOHONAN



1. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan bantuan pelajar yang disediakan oleh WAKAF UniSZA melalui PTj atau Fakulti masing-masing.
2. Pemohon perlu menyediakan setiap dokumen yang diperlukan seperti dalam borang permohonan.
3. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan melalui PTj atau Fakulti pemohon.
4. Permohonan hendaklah disaring oleh pihak PTj atau Fakulti dan disokong oleh Timbalan Dekan atau Timbalan Pengarah serta mendapat pengesahan daripada Dekan atau Pengarah PTj / Fakulti.

5. Semasa proses saringan dan perakuan di peringkat PTj/ Fakulti, mana-mana penilai atau pegawai yang mempunyai pertalian darah, hubungan keluarga, atau kepentingan peribadi dengan pemohon diwajibkan untuk mengisytiharkan perkara tersebut dan mengecualikan diri daripada menyokong atau memperaku permohonan berkenaan.
6. Wakil PTj atau Fakulti hendaklah menyediakan kertas kerja serta dokumen sokongan bagi permohonan bantuan zakat dalam Mesyuarat JAWAZ untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan.
7. Penghantaran permohonan kepada WAKAF selaku urusetia JAWAZ perlu melalui Pejabat TNC HEPA sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum mesyuarat.

8. JAWAZ berhak memanggil pemohon untuk menghadiri sesi penilaian atau mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan bagi membantu proses pertimbangan permohonan.
9. Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan palsu, atau menyembunyikan maklumat kewangan sebenar, boleh ditolak permohonannya secara serta-merta.
10. Pihak Universiti berhak menuntut semula dana yang telah diagihkan dan melaporkan kes pemalsuan ini kepada pihak berkuasa Tatatertib Pelajar.





PANDUAN AGIHAN



1. Bantuan zakat hanya boleh diberikan kepada pemohon yang beragama Islam dan memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.
2. Bantuan zakat adalah berasaskan asnaf fakir dan miskin.
3. Penentuan kelayakan asnaf fakir dan miskin hendaklah dibuat berdasarkan pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - i. Had Kifayah yang ditetapkan oleh MAIDAM; atau
 - ii. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK); atau
 - iii. Kategori B40; atau
 - iv. Faktor-faktor lain yang berkaitan seperti tanggungan, komitmen kewangan dan keadaan semasa pemohon.

4. Bantuan zakat kepada pelajar bukanlah bersifat berterusan, sebaliknya bertujuan membantu pelajar yang menghadapi keperluan mendesak atau keadaan kecemasan. Pelajar yang layak memohon kemudahan pembiayaan atau pinjaman pendidikan tetapi tidak berbuat demikian tanpa alasan yang munasabah tidak akan dipertimbangkan.
5. Pemohon hendaklah berstatus pelajar aktif di UniSZA serta mempunyai keperluan kewangan yang munasabah.
6. Agihan bantuan zakat hendaklah dibuat berdasarkan keutamaan keperluan pemohon serta tertakluk kepada ketersediaan dana zakat

7.Keutamaan pertimbangan boleh diberikan kepada pemohon yang memenuhi keadaan berikut:

- i. Pelajar yang telah kehilangan ibu atau bapa, atau kedua-duanya, dan memerlukan sokongan kewangan bagi meneruskan pengajian;
- ii. Pelajar orang kurang upaya (OKU) atau pelajar yang mempunyai ahli keluarga OKU yang memerlukan sokongan kewangan;
- iii. Pelajar yang menghadapi masalah keluarga seperti perceraian ibu bapa, kehilangan sumber pendapatan keluarga, atau bebanan kewangan yang serius termasuk hutang berkaitan keperluan asas.

8. Agihan zakat kepada asnaf fisabilillah hanya boleh dilaksanakan sekiranya peruntukan tersebut dinyatakan secara khusus oleh penyumbang zakat atau mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
9. Permohonan agihan zakat bagi kategori fisabilillah hendaklah mengikut hasrat penyumbang, sekiranya tidak dinyatakan, perlu dibentangkan dan diputuskan melalui Mesyuarat JAWAZ sebelum sebarang agihan dilaksanakan.
10. Penyaluran dana bantuan zakat yang diluluskan hendaklah dikreditkan ke dalam akaun bank pemohon yang aktif. Walau bagaimanapun, bagi kes pemohon yang mempunyai tunggakan yuran pengajian atau hutang asrama, JAWAZ berhak meluluskan agar dana tersebut disalurkan terus ke akaun Bendahari UniSZA bagi menyelesaikan tunggakan berkenaan terlebih dahulu sebelum baki (jika ada) diserahkan kepada pelajar.




Had Al-Kifayah bermaksud “Garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang individu dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup semasa”. Dalam konteks negeri Terengganu, Had Al-Kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asasi yang paling minimum bagi sesebuah isi rumah yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berdasarkan kajian lapangan terhadap kos sara hidup semasa di negeri Terengganu.

Pendapatan



Perbelanjaan



Keputusan

- ↳ Pendapatan Ketua Keluarga
- ↳ Pendapatan Isteri
- ↳ Pendapatan lain

- ↳ Tempat tinggal
- ↳ Isteri
- ↳ Anak

- ↳ Miskin: jika negatif melebihi 49%
- ↳ Fakir: jika negatif melebihi 50%
- ↳ Tidak layak: jika positif (ada lebihan)



<https://www.maidam.gov.my>

AGIHAN ZAKAT FISABILILLAH PENDIDIKAN MAIDAM



1. Permohonan untuk dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA bagi mana-mana program hendaklah selaras dengan definisi asnaf fisabilillah MAIDAM dan mesti berkaitan dengan pendidikan yang melibatkan pelajar atau staf universiti.
2. Program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA hendaklah memberi manfaat kepada warga universiti, sama ada di kalangan pelajar, staf, atau kedua-duanya. Keutamaan akan diberikan kepada program yang melibatkan golongan yang lebih memerlukan, seperti pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan asnaf.
3. Pelaksanaan program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA adalah tertakluk kepada keutamaan semasa dan jumlah dana yang tersedia.

4. Program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA mesti dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) rasmi universiti. Sekiranya pihak PTj ingin mewakilkan penganjaran program kepada pihak bukan PTj, permohonan perlu mendapat kelulusan JAWAZ.
5. Justifikasi program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA perlu berdasarkan sejauh mana ia memenuhi salah satu atau lebih daripada lima (5) Maqasid Syariah (objektif Syariah) dari sudut pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.
6. Semua perbelanjaan program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA mestilah mematuhi garis panduan bajet mengurus universiti dan hanya meliputi keperluan program yang munasabah seperti bahan, logistik, penginapan, atau makan minum peserta.

7. Setiap program di bawah peruntukan dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA hendaklah mempamerkan penghargaan 'Peruntukan Zakat MAIDAM' secara jelas.
8. Laporan pelaksanaan serta kewangan program di bawah dana zakat fisabilillah hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tamat program.
9. Sebarang baki atau lebihan peruntukan dana zakat fisabilillah setelah sesuatu program selesai dilaksanakan, wajib dipulangkan semula.
10. Laporan pelaksanaan serta kewangan program di bawah dana zakat fisabilillah hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tamat program.

Fisabilillah merupakan salah satu daripada 8 asnaf yang layak menerima zakat. Ini disebut jelas dalam al-Quran

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, amil, muallaf yang dijinakkan hati mereka, hamba yang hendak memerdekakan diri mereka, orang yang berhutang, dan untuk jalan Allah, dan musafir yang terputus dalam perjalanan, sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Taubah: 60)

Makna Fisabilillah



Khusus

Jihad di medan perang bertujuan mempertahankan dan menegakkan agama

Umum

Usaha dan aktiviti yang bertujuan menegakkan agama

PANDUAN PELAPORAN

1. Setiap aktiviti agihan zakat hendaklah menyediakan laporan pelaksanaan sebagaimana yang ditetapkan atau diminta oleh WAKAF atau penyumbang.
2. Laporan tersebut hendaklah merangkumi maklumat berkaitan asnaf, jumlah agihan, tujuan bantuan, serta butiran lain yang berkaitan bagi tujuan pemantauan dan rekod.
3. Laporan agihan zakat hendaklah diselenggara dengan lengkap dan teratur bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti serta pematuhan terhadap prinsip Syariah dan ketetapan MAIN.

4. Segala maklumat peribadi, latar belakang keluarga, dan profil kewangan pemohon serta penerima zakat adalah diklasifikasikan sebagai sulit. Penyimpanan dan penggunaan data ini hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) dan hanya boleh diakses untuk tujuan penilaian, agihan, dan pelaporan rasmi kepada pihak pengurusan universiti, MAIDAM, atau badan audit yang diberi kuasa sahaja.
5. Penggunaan gambar penerima zakat bagi tujuan promosi, publisiti atau penerbitan hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerima zakat yang terlibat

INFO GRAFIK



Tahukah anda
bahawa zakat
dalam Islam tidak
hanya terhad
pada zakat fitrah?

	Zakat Fitrah	Zakat Pendapatan
Hukum	Wajib ke atas setiap Muslim yang memenuhi syarat	Wajib ke atas Muslim yang mempunyai pendapatan mencapai nisab
Hikmah	Menyucikan jiwa	Menyucikan harta
Kadar	Satu so' makanan asasi. Sukatan ini dikadarkan dengan nilai matawang	2.5% daripada pendapatan yang mencapai nisab
Waktu	Sepanjang Ramadan sehingga sebelum solat Aidilfitri	Apabila mencapai nisab; boleh dibayar secara bulanan atau tahunan

1

HUKUM

- Hukum: Wajib
- Kadar: 2.5 %
- Syarat sah: Niat

2

HARTA

- Wang Simpanan
- Perniagaan (termasuk saham)
- Pendapatan
- Binatang Ternakan
- Emas dan Perak
- Pertanian
- Galian (Emas dan Perak)

Penyerahan yang wajib dilakukan ke atas sebahagian harta kekayaan dari sumber yang baik yang dimiliki seseorang Muslim kepada golongan yang berhak menerimanya

3

SYARAT


- Islam
- Merdeka
- Cukup Nisab
- Cukup Haul
- Milik Sempurna

4

GOLONGAN

- | | |
|-----------|----------------|
| • Fakir | • Ar-Riqab |
| • Miskin | • Al-Gharimin |
| • Amil | • Fisabilillah |
| • Muallaf | • Ibnussabil. |

Wakalah bermaksud dasar pengembalian wang zakat oleh MAIDAM kepada individu / entiti pembayar zakat atau majikan (Potongan Zakat Berjadual) sebagai wakil untuk diagihkan kepada asnaf yang layak.



Melalui skim Potongan Zakat Berjadual (PZB), MAIDAM mengembalikan sebahagian wang zakat kepada UniSZA sebagai wakil untuk diagihkan kepada asnaf yang layak






SKIM POTONGAN GAJI (ZAKAT)

28

<https://ezakat.maidam.gov.my/online/pzb.php>



Semakin besar pembayaran zakat staf melalui skim potongan gaji, semakin besar dana wakalah yang akan diagih kembali oleh MAIDAM kepada UniSZA

Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)

1 Maklumat Peribadi

Jenis Pemohonan *

No. Kad Pengiraan *

Nama *

Alamat Berastarters *

Peringkat *

No. Telefon Berastarters *

Isi maklumat peribadi

Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)

4 Pengesahan dan Nod

Saya berikhtisarkan bahawa maklumat yang saya berikan adalah benar dan tepat. Saya berikhtisarkan bahawa saya telah membayar zakat melalui skim potongan gaji ini. Saya berikhtisarkan bahawa saya telah membayar zakat melalui skim potongan gaji ini. Saya berikhtisarkan bahawa saya telah membayar zakat melalui skim potongan gaji ini.

Amaun

Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)

2 Maklumat Majikan

Nama Majikan *

Alamat Majikan *

PTJ semasa

Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)

3 Maklumat Bahagian Gaji

Peringkat Bahagian Gaji *

Nama Bahagian Gaji *

hassanzulkifli@unisza.edu.my

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY





AHLI JAWATANKUASA AGIHAN WAKALAH ZAKAT, WAKAF, ENDOWMEN DAN DERMA (JAWAZ) 2025-2027



PROF. DATO' DR. FADZLI ADAM
PENGURUSI BERSAMA
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)

 PROF. DR. ENSKU MUHAMMAD TAJUDDIN ENGKU ALI AHLI Pensyarah UnisZA	 EN. AHMAD TIRMIZI TAHA AHLI Pensyarah UnisZA	 PROF. DR. ABDUL HAKIM ABDULLAH AHLI Ahli LPU UnisZA	 PROF. MADYA DR. MUHAMMAD SHAHRUL IFWAT ISHAK SETIAUSAHA Pegawai WAKAF UnisZA	 DR. WAN MOHD ADZIM WAN MOHD ZAIN AHLI Timbalan Pengarah CoMAE-I	 DR. NADIAWATI ALIAS AHLI Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pejabat Pengarah Kampus Besut	 EN. MOHD FADHIL HUSSEIN AHLI Timbalan Bendahari UnisZA	 EN. AHMAD TERMIZI AB AZIZ AHLI Timbalan Pengarah HoSZA
 PROF. MADYA DR. AHMAD SYAZNI KAMARUDIN AHLI Timbalan Pengarah CREIM	 DR. MOHD. SHUKRI JUSOH AHLI Pensyarah	 DR. MOHD BADROL AWANG AHLI Pensyarah	 EN. MAHADI MOHAMMAD AHLI Pensyarah	 EN. WAN SHAHRIN AZWAN WAN SULAIMAN AHLI Ketua Pentadbir HEPA	 EN. AHMAD MUSLIM BUHARI URUSETIA Ketua Penolong Pendaftaran WAKAF UnisZA	 PN. ROSLIZA DAUD URUSETIA Penolong Akauntan Kanan WAKAF UnisZA	

Bagi memastikan dana disalurkan secara berkesan, telus dan patuh Syariah, Jawatankuasa Agihan Wakalah Zakat, Wakaf, Endowmen dan Derma (JAWAZ) bertanggungjawab mempertimbang dan meluluskan agihan dana wakalah zakat kepada individu yang layak serta bagi tujuan penganjuran program yang dibenarkan.



DEMI FAEDAH INSAN WAKAF UniSZA

Sumbangan Anda,
Harapan Buat Penuntut Ilmu

KETAHUI LEBIH LANJUT →



TELUS



BERIMPAK



MANFAAT CUKAI

الجواب وقنف وانو اندريومن
PEJABAT WAKAF DAN
ENDOWMEN

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

